Buletin
MPKS
"Usaha Untuk Rakyat"
Majlis Perbandaran Kuala Selangor www.mpks.gov.my
Januari - April 2025

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2024

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

24 APRIL 2025

Siri Konvoi #Jom Santai Kuala Selangor ke Negeri Pulau Pinang 8

Malam Anugerah Penarafan Bintang JMB-MC Tahun 2024 (MALA) 9

Program Ihya' Ramadan 1446H/ 2025 16

Naskah Percuma

Kuala Selangor Indah dan Bersejarah

Aktiviti MPKS
Januari - April 2025

JANUARI

- Lawatan Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) MPKS ke Menara Berkembar Petronas
- Jelajah Belia Madani Selangor
- Audit Pensijilan Semula Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Majlis Perbandaran Kuala Selangor 2025
- Kunjungan Hormat Majlis Belia dan Sukan Daerah Kuala Selangor
- Sambutan Hari Lahir Setiausaha Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Lawatan Teknikal ke HSC Concultant
- Taklimat Cadangan Pelaksanaan Akta 672 oleh JPSPN SWCORP
- Jemputan Lawatan Ternakan Kacauganggu Kolam Ikan di Hillpark
- Majlis Perasmian Dewan Ixora Bandar Hillpark dan Perhimpunan Bulanan Majlis Perbandaran Kuala Selangor

FEBRUARI

- Penilaian Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Kerajaan Negeri Selangor 2025
- Lawatan Penanda Aras Majlis Daerah Sabak Bernam Berkaitan Penyediaan Pelan Bandar Pintar Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Sesi Perbincangan dan Lawatan Penilaian Tapak Kajian Pelan Induk Landskap (PIL) Daerah Kuala Selangor oleh Jabatan Landskap Negara
- Operasi Bersepadu Premis Warga Asing di Saujana Utama
- Siri Konvoi #Jom Santai Kuala Selangor ke Negeri Pulau Pinang
- Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil.1/ 2025 dan Sesi "Brainstorming" Penubuhan MyZon
- Sesi Orientasi Kakitangan Baharu 2025
- Operasi Bersepadu Premis Warga Asing Di Pusat Perdagangan Alam Jaya
- Malam Anugerah Penarafan Bintang JMB-MC Tahun 2024 (MALA)
- Keberangkatan DYMM Sultan Selangor ke Makam Bukit Malawati
- Undian Bazar Ramadan Secara Dalam Talian 2025
- Majlis Penerima Anugerah Ikonik Tourism Selangor 2024
- Hari Bersama Jawatankuasa Penduduk (JKP) Majlis Perbandaran Kuala Selangor 2025
- Kejohanan Petanque Piala Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Selangor 2025
- Kejohanan Badminton Tertutup Kakitangan Majlis Perbandaran Kuala Selangor 2025
- Lawatan Penanda Aras Program Pementoran oleh Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) ke Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)
- "Train of Trainer (ToT)" Program Pementoran Majlis Perbandaran Kuala Selangor 2025

MAC

- Pemantauan Kebersihan Bazar Ramadan Hadapan Lotus Kuala Selangor
- Program Bicara Integriti Majlis Perbandaran Kuala Selangor Tahun 2025
- Mesyuarat Penyelarasan Mengenai Isu Sampah Haram Kg. Sentosa Bersama Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- Pemantauan Kebersihan Bazar Ramadan Tanjong Karang
- Majlis Pemakaian Pangkat Bagi Anggota Penguatkuasa MPKS tahun 2025
- Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) (Perancangan Pembangunan) Bil.5/ 2025 Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Program Agihan Bubur Lambuk oleh Y.B. Datuk Hj. Rizam Bin Hj. Ismail di Bazar Hadapan Lotus Kuala Selangor
- Program Ihya' Ramadan 1446H/ 2025M
- Taklimat Pengurusan Pendaftaran Peperiksaan Calon Persendirian Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) Tahun 2025
- Kunjungan Hormat KPDN Selangor ke Pejabat Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Operasi Bersepadu Kilang Tanpa Kebenaran di Kuala Selangor
- Majlis Penyerahan Sumbangan Hari Raya kepada Anak-Anak Yatim di Daerah Kuala Selangor oleh DYTM Raja Muda Selangor
- Program Mysavefood@ Bazar Ramadan 1446H
- Perhimpunan "Mahabbah Ramadan" Penjawat Awam Negeri Selangor
- Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan
- Majlis Tautan Kasih dan Sambutan "Jubli Perak" Kuarters Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Sentuhan Kasih Ramadan Komuniti Strata 2025
- Perhimpunan Pagi Bil. 2/ 2025 Majlis Perbandaran Kuala Selangor

APRIL

- Kunjungan Hormat FAMA Negeri Selangor
- Sesi "Focus Group Discussion" (FGD) Penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar & Rendah Karbon Kuala Selangor 2035
- Temuduga Hos Komuniti Daerah Kuala Selangor
- Operasi Premis Warga Asing
- Lawatan Kerja Yang Berhormat Timbalan Menteri KPKT ke Projek Perumahan Swasta di Kuala Selangor
- Perbincangan Program Kerjasama Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (Akrab) Jabatan Perdana Menteri (JPM) Bersama Akrab MPKS
- Majlis Pelepasan Pasukan Petanque MAKSAK Selangor
- Operasi Premis Warga Asing di Sekitar Puncak Alam
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPKS 2024
- Kursus Pengukuhan Pasukan Petugas Khas Tuntutan Tunggakan Cukai Taksiran Majlis Perbandaran Kuala Selangor 2025
- Program Santai Kebudayaan dan Jamuan Aidilfitri 2025

Sidang Redaksi
BULETIN MPKS

Penaung
Tuan Haji Mohamad Hanafe bin Basri *SMS,*
ydp@mpks.gov.my

Penasihat
TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar *AIS, PPC,*
myusli@mpks.gov.my

Editor
Puan Norrini binti Mohd Ladzim
norrini@mpks.gov.my

Pengarang
Encik Aliff Amani bin Jumeren
aliff@mpks.gov.my

Penolong Pengarang
Encik Hisyamuddin bin Zakaria
hisyamuddin@mpks.gov.my

Jurufoto, Rekabentuk dan Susunan
Encik Norirwan Sahril bin Mohmed Mogi
irwanshah@mpks.gov.my

LAWATAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) MPKS KE MENARA BERKEMBAR PETRONAS

21 Januari 2025

Jawatankuasa Unit Pusat Setempat (OSC) MPKS telah menerima undangan daripada PETRONAS untuk sesi penerangan mengenai Projek Peony di Menara Berkembar PETRONAS. Projek ini melibatkan pembangunan Tapak Stesen Pemampat Gas (Gas Compression Station) di Mukim Jeram oleh PETRONAS Gas Berhad, yang dijangka siap pada September 2026 dan akan membekalkan gas untuk kawasan utara semenanjung Malaysia. Lawatan ini disambut oleh Tuan Hj. Wan M Marzuki b. Wan Ismail, Pengurus Besar Kanan Project Delivery Onshore PETRONAS, dan delegasi MPKS diketuai oleh YBrs. Tuan Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS.

Sumber : Unit Pusat Setempat (OSC)

JELAJAH BELIA MADANI SELANGOR

4 Januari 2025

Jelajah Belia Madani Selangor Daerah Kuala Selangor 2025 di Pantai Remis, Jeram merupakan karnival untuk memupuk semangat kepimpinan dan menyediakan platform bagi belia untuk aktif dalam pembangunan masyarakat. Aktiviti termasuk sesi perkongsian, bengkel kemahiran, dan pameran. Karnival ini dirasmikan oleh YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi, Exco Belia, Sukan dan Keusahawanan Negeri Selangor.

Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

AUDIT PENSIJILAN SEMULA EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 2025 8-10 Januari 2025

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menerima lawatan dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor untuk sesi Audit Pensijilan Semula Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di Ibu Pejabat MPKS. Sesi audit ini diketuai oleh Puan Norbaini binti Mohamad Zainudin, Ketua Panel Penilai, bersama 4 panel penilai, seorang pemantau, dan dua fasilitator dari SUK Selangor. Tujuan audit adalah untuk memantau kualiti perkhidmatan dan produktiviti melalui persekitaran kerja yang kondusif. MPKS mengucapkan terima kasih kepada barisan panel penilai atas cadangan penambahbaikan dan pujian terhadap amalan baik sepanjang pengauditan. Di majlis penutup, panel penilai bersetuju bahawa MPKS layak mengekalkan Pensijilan Semula EKSA. Tahniah diucapkan kepada MPKS atas pencapaian ini.

Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

TAKLIMAT CADANGAN PELAKSANAAN AKTA 672

OLEH JPSPN SWCORP 14-16 Januari 2025

Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

MAJLIS PERASMIAN DEWAN IXORA BANDAR HILLPARK DAN PERHIMPUNAN BULANAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

21 Januari 2025

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) mengadakan Perhimpunan Pagi Bil. 1/2025 di Dewan Ixora, Bandar Hillpark. Ucaptama disampaikan oleh YBrs. Tuan Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS, manakala ucapan aluan oleh Sr. Salinda binti Jamil, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta. Majlis ini turut merasmikan Dewan Ixora, yang dilengkapi dengan gelanggang badminton, pentas, pembesar suara, dan penghawa dingin, serta dijangka dibuka untuk sewaan mulai Februari 2025. Selain itu, penyampaian hadiah Pertandingan Inovasi MPKS dan Pertandingan Mencipta Logo Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan MPKS turut diadakan.

Sumber : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

OPERASI BERSEPADU KENDERAAN BERAT

21 Januari 2025

Jabatan Penguatkuasa MPKS telah menjalankan operasi bersepadu kenderaan berat di sekitar kawasan Bestari Jaya. Operasi ini dijalankan susulan aduan awam mengenai kenderaan berat melebihi dua tan yang parkir di kawasan taman perumahan, medan perniagaan, dan bahu jalan, menyebabkan kerosakan jalan serta mengganggu keselamatan penduduk. Operasi yang berlangsung dari jam 8.00 malam hingga 12.00 pagi melibatkan 16 anggota dari Jabatan Penguatkuasa, dengan kerjasama Polis Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Selangor.

Sumber : Jabatan Penguatkuasa

LAWATAN PANEL PENILAI ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC) 2025

4 Februari 2025

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menerima lawatan Panel Penilai Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) yang dinilai oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Lawatan ini bertujuan untuk mengukur tahap kecemerlangan perkhidmatan dan pengurusan dalam organisasi-organisasi Kerajaan Negeri Selangor. Selain itu, untuk menilai prestasi dan kecekapan pengurusan pentadbiran serta perkhidmatan yang disediakan oleh MPKS.

Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

LAWATAN PENANDA ARAS

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM BERKAITAN PENYEDIAAN PELAN BANDAR PINTAR MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

5 Februari 2025

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menerima lawatan daripada Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) untuk sesi perkongsian mengenai Penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar dan Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA). Lawatan ini diadakan di Bilik Mesyuarat Malawati, Ibu Pejabat MPKS dan menjadi platform penting untuk memacu pembangunan bandar pintar serta transformasi digital di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Lawatan tersebut diketuai oleh YBrs. TPr. Roslan bin Amat Zainal, Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan MDSB, dan disambut oleh YBrs. Tuan Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS.

Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

SESI PERBINCANGAN DAN LAWATAN PENILAIAN TAPAK
KAJIAN PELAN INDUK LANDSKAP (PIL) DAERAH KUALA SELANGOR OLEH JABATAN LANDSKAP NEGARA

5-6 Februari 2025

Jabatan Landskap MPKS telah menerima lawatan daripada Jabatan Landskap Negara untuk sesi perbincangan dan lawatan penilaian tapak berkaitan Kajian Pelan Induk Landskap Daerah Kuala Selangor. Sesi dimulakan dengan taklimat oleh Jabatan Landskap MPKS mengenai Pelan Induk Landskap, serta strategi pembangunan landskap yang mampan yang mengimbangi antara pembangunan fizikal dan pemeliharaan alam sekitar. Taklimat turut menekankan kepentingan pelan induk tersebut dalam meningkatkan kualiti hidup penduduk melalui penyediaan ruang hijau, taman awam, dan koridor sungai yang terurus.

Sumber : Jabatan Landskap

OPERASI BERSEPADU PREMIS WARGA ASING DI SAUJANA UTAMA

6 Februari 2025

Jabatan Penguatkuasa MPKS telah melaksanakan satu operasi bersepadu di kawasan Saujana Utama, Sungai Buloh dengan penglibatan 41 anggota dari pelbagai agensi seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah, Unit II (Selangor), serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup. Operasi yang berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang ini memberi tumpuan kepada pemeriksaan premis-premis perniagaan yang disyaki dikendalikan oleh warga asing tanpa mematuhi peraturan tempatan, melibatkan empat lokasi termasuk kedai runcit dan pusat cucian kereta.

Sumber : Jabatan Penguatkuasa

SIRI KONVOI #JOM SANTAI KUALA SELANGOR KE NEGERI PULAU PINANG

7-9 Februari 2025

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menganjurkan Konvoi Jom Santai Kuala Selangor di Pulau Pinang sebagai inisiatif mempromosikan destinasi pelancongan di daerah Kuala Selangor. Sepanjang persinggahan konvoi, pelbagai aktiviti seperti kuiz pelancongan, edaran pautan promosi digital, dan sesi penerangan berkaitan pusat pelancongan telah dijalankan. Program ini turut menyokong usaha Kerajaan Negeri Selangor sempena Tahun Melawat Selangor 2025. MPKS merakamkan penghargaan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang atas kerjasama dan sokongan padu dalam menjayakan program ini.

Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

SESI ORIENTASI KAKITANGAN BAHARU 2025

12 Februari 2025

Jabatan Khidmat Pengurusan MPKS telah menganjurkan Program Orientasi Kakitangan Baharu MPKS Tahun 2025 di The Blanket Resort, Kuala Selangor. Seramai 30 peserta terdiri daripada 20 kakitangan lantikan MyStep dan 10 kakitangan kontrak telah menyertai program ini. Tujuannya adalah untuk memberi pendedahan awal mengenai dasar, struktur organisasi serta fungsi jabatan-jabatan di bawah MPKS, selain membantu proses penyesuaian dan kefahaman terhadap peranan dan tanggungjawab mereka dalam organisasi.

Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

OPERASI BERSEPADU PREMIS WARGA ASING DI PUSAT PERDAGANGAN ALAM JAYA

13 Februari 2025

Jabatan Penguatkuasa MPKS telah melaksanakan satu operasi bersepadu di Pusat Perdagangan Alam Jaya, Puncak Alam, melibatkan 35 anggota dengan kerjasama Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah, Unit II (Selangor). Operasi yang berlangsung dari jam 10.00 pagi hingga 2.00 petang ini menyasarkan empat lokasi berbeza dan bertujuan memastikan pematuhan undang-undang serta peraturan tempatan, khususnya oleh premis-premis perniagaan yang dikendalikan oleh warga asing.

Sumber : Jabatan Penguatkuasa

MALAM ANUGERAH PENARAFAN BINTANG JMB-MC TAHUN 2024 (MALA)

14 Februari 2025

Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPKS telah menganjurkan Malam Anugerah Penarafan Bintang JMB/MC 2024 yang berlangsung di Wyndham Acmar Klang. Program ini dianjurkan sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB), Perbadanan Pengurusan (MC) dan Ejen Pengurusan di bawah seliaan COB MPKS atas sumbangan dan kerjasama mereka dalam meningkatkan kualiti pengurusan pembangunan skim pemajuan berstrata. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS.

Sumber : Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)

KEBERANGKATAN DYMM SULTAN SELANGOR KE MAKAM BUKIT MALAWATI

17 Februari 2025

DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj berkenan berangkat menziarahi Makam Diraja Bukit Malawati di Kuala Selangor. Kompleks Makam tersebut menempatkan makam Sultan Selangor terdahulu, antaranya Sultan Selangor Pertama, Almarhum Sultan Salehuddin Shah (Raja Lumu), Sultan Selangor Kedua, Almarhum Sultan Ibrahim Shah dan Sultan Selangor Ketiga, Almarhum Sultan Muhammad Shah.

Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

UNDIAN BAZAR RAMADAN SECARA DALAM TALIAN 2025

18 Februari 2025

Program sesi taklimat dan undian bagi pemohon Bazar Ramadan dan Bazar Raya MPKS tahun 2025 yang telah diluluskan permohonannya telah berlangsung dengan jayanya secara dalam talian melalui Laman Facebook Rasmi Majlis Perbandaran Kuala Selangor. Program ini bertujuan memberi penerangan penting berkaitan pelaksanaan bazar serta menjalankan proses undian petak niaga secara telus dan teratur.

Sumber : Jabatan Pelesenan

MAJLIS PENERIMA ANUGERAH IKONIK TOURISM SELANGOR 2024

19 Februari 2025

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menerima Anugerah Ikonik Tourism Selangor 2024 bagi Kategori Pelancongan Alam Semula Jadi, Kembara dan Eko Pelancongan menerusi pengurusan Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan. Anugerah ini mengiktiraf sumbangan MPKS dalam memajukan pelancongan negeri. Majlis penyampaian diadakan sempena Showcase Tahun Melawat Selangor 2025 di Foyer SUK, Shah Alam, dan telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Anugerah diterima oleh Yang Dipertua MPKS, YBrs. Tuan Mohamad Hanafe bin Basri.

Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

HARI BERSAMA JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP) MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 2025

22 Februari 2025

Jabatan Pembangunan Masyarakat MPKS telah menganjurkan Program Hari Bersama Jawatankuasa Penduduk (JKP) 2025 di Eco Grandeur Hall, Puncak Alam dengan kehadiran 168 peserta terdiri daripada Ahli Majlis, Ketua Jabatan serta Pengerusi dan Ahli JKP seluruh Kuala Selangor. Program ini bertujuan memperkukuh hubungan antara MPKS dan komuniti serta memberi pendedahan tentang perancangan pembangunan. Antara pengisian utama ialah taklimat pembangunan infrastruktur, peruntukan JKP, permohonan peruntukan, manfaat bandar pintar dan pencegahan jenayah.

Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

KEJOHANAN PETANQUE PIALA YANG DIPERTUA

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 2025

22 Februari 2025

Kejohanan Petanque Double Terbuka Piala Yang Dipertua MPKS 2025 telah berlangsung dengan meriah di Arena Petanque, Kompleks Sukan Kuala Selangor. Kejohanan ini bertujuan mencungkil bakat baharu dan mempromosikan Kuala Selangor sebagai destinasi sukan dan pelancongan, kejohanan ini berjaya menarik penyertaan 109 pasukan dari pelbagai daerah dan negeri. Program bermula seawal 8.00 pagi dan berakhir pada 10.00 malam, dengan majlis penutup disempurnakan oleh Setiausaha MPKS, YBrs. TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar. ATM muncul sebagai johan, diikuti GPG 3 sebagai naib johan, manakala tempat ketiga bersama dimenangi oleh MPKS 1 dan ATM 14. Tahniah diucapkan kepada semua pemenang dan peserta atas semangat kesukanan yang tinggi.

Sumber :Jabatan Pembangunan Masyarakat

KEJOHANAN BADMINTON TERTUTUP

KAKITANGAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 2025

25 Februari 2025

Sumber : Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi MPKS

LAWATAN PENANDA ARAS PROGRAM PEMENTORAN KE MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)

26 Februari 2025

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah mengadakan kunjungan rasmi ke Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) untuk lawatan penandaarasan Program Pementoran. Lawatan ini diketuai oleh YBrs. Sr. Salinda binti Jamil, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPKS, dan disambut oleh YBrs. Ts. Haji Hasrolnizam bin Shaari, Setiausaha MPAJ. Tujuan lawatan adalah untuk berkongsi cadangan penambahbaikan dalam penyediaan laporan pementoran dan memperkukuhkan sistem pementoran yang lebih berkesan. MPKS berharap lawatan ini dapat mengeratkan hubungan serta meningkatkan mutu perkhidmatan kerajaan tempatan.

Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

"TRAIN OF TRAINER (TOT)" PROGRAM PEMENTORAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 2025

26-28 Februari 2025

Jabatan Khidmat Pengurusan MPKS telah menganjurkan Kursus Training of Trainers (ToT) Program Pementoran di Port Dickson. Kursus ini bertujuan memberi pendedahan mengenai konsep dan peranan pementoran dalam perkhidmatan awam, diikuti oleh 22 peserta. Sepanjang kursus, peserta mempelajari kemahiran komunikasi, teknik bimbingan, serta kepimpinan dan tanggungjawab sebagai mentor. Program ini juga bertujuan melahirkan lebih ramai mentor berkelayakan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan awam.

Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

PEMANTAUAN KEBERSIHAN BAZAR RAMADAN

DAERAH KUALA SELANGOR

2-30 Mac 2025

Jabatan Kesihatan Persekitaran MPKS telah menjalankan pemantauan kebersihan bazar Ramadan di seluruh daerah Kuala Selangor sepanjang bulan Ramadan. Pemeriksaan meliputi Suntikan Anti Tifoid, Kursus Pengendali Makanan, dan Kebersihan di Tapak. Peniaga bazar diperiksa untuk memastikan mereka mematuhi standard kebersihan makanan yang ditetapkan. Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor turut membantu pemeriksaan kebersihan pengendali makanan dan tapak peniaga, serta menjalankan persampelan makanan untuk analisa keselamatan makanan.

Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

PROGRAM BICARA INTEGRITI

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR TAHUN 2025

5 Mac 2025

Unit Integriti MPKS telah menganjurkan Program Bicara Integriti bertajuk "Ramadan dan Integriti: Berpuasa Fizikal, Berpuasa Hati" di Dewan Bandar Baru, Kuala Selangor. Seramai 150 peserta hadir dan program bicara disampaikan oleh PU Rahmat Ikhsan. Program ini menekankan pentingnya nilai integriti, kejujuran dan amanah dalam kehidupan dan tugasan seharian, serta kepentingan tatakelola kerja yang baik.

Sumber : Unit Integriti

MESYUARAT PENYELARASAN MENGENAI ISU SAMPAH HARAM
KG. SENTOSA BERSAMA SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
5 Mac 2025

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) turut serta didalam Mesyuarat Penyelarasan Isu Sampah Haram Kampung Sentosa bersama Yang Berhormat Dato' Dr. Ahmad Fadzli Bin Ahmad Tajuddin, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Mesyuarat ini bertujuan mencari penyelesaian bersepadu terhadap isu pembuangan sampah haram yang menjejaskan kebersihan dan kesejahteraan penduduk setempat. Beberapa cadangan tindakan serta langkah pemantauan telah dibincangkan bagi menangani isu ini secara berkesan.

Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

SESI TEMUBUAL YDP MPKS
BERSAMA SELANGOR FM
6 Mac 2025

YBrs. Tuan Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS, telah menyertai program wawancara Kopi O Teh Tarik, Segmen PBT dan Anda di SELANGORfm di Angkasapuri, Kuala Lumpur. Dalam sesi tersebut, beliau berkongsi inisiatif dan komitmen MPKS dalam menyediakan perkhidmatan berkualiti demi kesejahteraan masyarakat. Program ini menjadi platform penting untuk memperjelas peranan MPKS serta mendengar maklum balas rakyat, seterusnya memperkukuh hubungan antara pihak berkuasa tempatan dan komuniti Kuala Selangor.

Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT BAGI ANGGOTA PENGUATKUASA
MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR TAHUN 2025
7 Mac 2025

Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

PROGRAM IHYA' RAMADAN 1446H/ 2025M

10 Mac 2025

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj telah berkenan menyampaikan sumbangan Hari Raya Aidilfitri berjumlah RM235,000 kepada 470 asnaf dalam Program Ihya Ramadan yang berlangsung di Masjid Raja Lumu, Kuala Selangor. Seramai 128 fakir, 220 miskin dan 122 saudara baharu menerima sumbangan sebanyak RM500 seorang. Program ini mencerminkan keprihatinan Baginda terhadap kebajikan rakyat, khususnya golongan kurang berkemampuan. Baginda turut berbuka puasa dan menunaikan solat Maghrib, Isyak serta tarawih bersama rakyat. Turut hadir, YBrs. Tuan Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS bersama ketua jabatan dan Ahli Majlis MPKS.

Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

MAJLIS "NUR RAMADAN: MENYANTUNI & MENGHARGAI" PIHAK MEDIA DAN PENDAYUNG SANTUARI KELIP-KELIP KAMPUNG KUANTAN

13 Mac 2025

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menganjurkan Majlis "Nur Ramadan: Menyantuni dan Menghargai" di Bandar Bukit Raja, Klang bagi menghargai sumbangan para pendayung Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan serta rakan media. Seramai 32 pendayung dan 15 pengamal media menerima saguhati dan cenderahati sempena sambutan Aidilfitri. Majlis ini bertujuan mengeratkan hubungan serta mengiktiraf peranan penting mereka dalam memajukan sektor pelancongan dan menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Penyampaian disempurnakan oleh Setiausaha MPKS, YBrs. TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar.

Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

KUNJUNGAN HORMAT KPDN SELANGOR
KE MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

14 Mac 2025

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menerima kunjungan hormat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Selangor pada 14 Mac 2025 di Ibu Pejabat MPKS. Lawatan yang diketuai oleh Tuan Mohd Zuhairi bin Mat Radey, Pengarah KPDN Selangor, dan disambut oleh YBrs. Tuan Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS, bertujuan memperkukuh kerjasama dalam aspek penguatkuasaan, pentadbiran dan perlindungan pengguna. Kunjungan ini menjadi platform penting ke arah mewujudkan perkhidmatan lebih cekap serta meningkatkan kesejahteraan penduduk Kuala Selangor.

Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

OPERASI BERSEPADU KILANG TANPA KEBENARAN
DI KUALA SELANGOR

14 Mac 2025

Jabatan Penguatkuasa MPKS bersama agensi lain telah menjalankan Operasi Bersepadu di sebuah kilang kitar semula sisa elektronik di Kuala Selangor bagi memastikan pematuhan undang-undang. Operasi melibatkan Polis, JAS, TNB, dan Air Selangor serta menyaksikan tindakan penguatkuasaan termasuk kompaun, notis henti operasi, sitaan peralatan dan pemotongan bekalan air. Sebanyak 78 warga asing tanpa dokumen sah turut ditahan, manakala JAS mengambil sampel buangan untuk analisa. Operasi ini menekankan komitmen pihak berkuasa dalam menangani isu keselamatan, penguatkuasaan dan pencemaran alam sekitar.

Sumber : Jabatan Penguatkuasa

MAJLIS PENYERAHAAN SUMBANGAN HARI RAYA

KEPADA ANAK-ANAK YATIM DI DAERAH KUALA SELANGOR OLEH DYTM RAJA MUDA SELANGOR

16 Mac 2025

DYTM Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah berkenan menyampaikan sumbangan Hari Raya kepada 1,102 anak yatim daerah Kuala Selangor dalam majlis anjuran Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) di Masjid Taman Alam Jaya, Puncak Alam. Seramai 525 anak yatim menerima sumbangan secara langsung berjumlah RM78,750, manakala RM86,560 dikreditkan terus ke akaun 577 anak yatim lain. Majlis ini mencerminkan keprihatinan berterusan DYTM Raja Muda dalam menjaga kebajikan anak yatim di Selangor. Turut hadir, YBrs. Tuan Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS.

Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

PROGRAM MYSAVEFOOD@ BAZAR RAMADAN 1446H

16-30 Mac 2025

Program MPKS MySave Food @ Bazar Ramadan telah dilaksanakan sepanjang bulan Ramadan di bazar-bazar daerah Kuala Selangor bagi mengurangkan pembaziran makanan dengan mengagihkan lebihan makanan yang tidak terjual kepada golongan memerlukan. Agihan dilakukan selepas waktu berbuka puasa di masjid dan rumah kebajikan. Inisiatif ini bukan sahaja membantu golongan kurang berkemampuan, malah memupuk budaya bersedekah dan menghargai makanan. Program ini diharap dapat diteruskan dengan penglibatan lebih ramai pihak pada masa akan datang.

Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

MAJLIS TAUTAN KASIH DAN SAMBUTAN "JUBLI PERAK"
KUARTERS MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

21 Mac 2025

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menganjurkan Majlis Tautan Kasih Ramadan dan Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Kuarters MPKS pada 21 Mac 2025 di Kuarters MPKS bagi mengeratkan silaturahim serta meraikan 25 tahun penubuhan kuarters tersebut. Majlis diserikan dengan penyampaian sumbangan kepada anak yatim, anak OKU, pesara, kakitangan yang sakit serta penerima bantuan Lembaga Zakat Selangor menerusi program "Hikmah Bersedekah". Acara turut diisi dengan simbolik pemotongan pulut kuning dan diakhiri dengan solat tarawih berjemaah. Penyampaian sumbangan disempurnakan oleh YBrs. Tuan Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS.

Sumber : 1. Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam
2. Jabatan Pembangunan Masyarakat
3. Jabatan Khidmat Pengurusan
4. Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi

SENTUHAN KASIH RAMADAN KOMUNITI STRATA 2025

22 Mac 2025

Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPKS menganjurkan Program Sentuhan Kasih Ramadan Komuniti Strata 2025 di Dewan MPKS Ixora, Hill Park, untuk mengeratkan hubungan dengan komuniti kediaman berstrata serta menyokong SDG 1 dan SDG 11. Program ini menyumbangkan bantuan keperluan dan kewangan kepada 30 penerima asnaf di kediaman berstrata. Majlis perasmian dan penyampaian sumbangan disempurnakan oleh YBrs. TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS, dan diikuti dengan tazkirah Ramadan oleh Ustaz Harryanto Rizal. Program ini bertujuan memperkukuh hubungan komuniti dan memastikan kesejahteraan mereka terus terpelihara.

Sumber : Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)

PERHIMPUNAN PAGI BIL. 2/ 2025

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

24 Mac 2025

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) menganjurkan Perhimpunan Pagi Bilangan 2/2025 di Dewan Bandar Baru, Kuala Selangor, yang dihoskan oleh Jabatan Kejuruteraan. Perhimpunan dimulakan dengan ucapan aluan oleh Tuan Haji Ahmad Jamzuri bin Mujaini, Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPKS, diikuti dengan ucaptama oleh YBrs. TPr Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS. Majlis turut menyaksikan penyampaian sumbangan kit persediaan Aidilfitri kepada kakitangan sebagai penghargaan dan diakhiri dengan sesi bersalaman dan bermaafan, mempereratkan hubungan sesama warga MPKS.

Sumber : Jabatan Kejuruteraan

KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA DAN OPS SELAMAT 2025

28 Mac 2025

MPKS bersama agensi-agensi di Kuala Selangor menyertai Kempen Keselamatan Jalan Raya dan OPS Selamat sempena Hari Raya Aidilfitri di Stesen Minyak Petronas Pasir Penambang. Program ini melibatkan edaran cenderahati kepada pengguna jalan raya sebagai peringatan untuk sentiasa berhati-hati ketika memandu. Penyerahan cenderahati dilakukan oleh Setiausaha MPKS, YBrs. TPr Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar, yang menyeru agar semua pengguna mematuhi peraturan keselamatan bagi memastikan perjalanan selamat.

Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

KUNJUNGAN HORMAT FAMA NEGERI SELANGOR

7 April 2025

Delegasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, diketuai oleh YBrs. Tuan Haji Isa bin Haji Hamzah, mengadakan kunjungan hormat ke Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS). Kunjungan ini bertujuan memperkukuh kerjasama dalam sektor pertanian, penternakan, dan pemasaran hasil tani, serta membincangkan peluang kolaborasi untuk menambah pasar tani dan mengembangkan kapasiti usahawan tani di Kuala Selangor. MPKS menyambut baik kerjasama ini untuk manfaat ekonomi tempatan.

Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

SESI "FOCUS GROUP DISCUSSION" (FGD)

PENYEDIAAN PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR & RENDAH KARBON KUALA SELANGOR 2035

8 April 2025

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah mengadakan sesi Focus Group Discussion (FGD) bersama agensi kerajaan untuk merangka Pelan Tindakan Bandar Pintar dan Rendah Karbon Kuala Selangor 2035 di Eco-Grandeur Hall. Sesi ini melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan pakar dari TM serta UiTM, bertujuan menyelaraskan peranan agensi dalam mencapai status bandar pintar. Kuala Selangor telah diiktiraf sebagai "Smart City Early Adopter" pada Oktober 2024 dan kini sedang memuktamadkan pelan tindakan untuk meningkatkan kesejahteraan penduduk dan ekonomi tempatan.

Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 2024

24 April 2025

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2024 pada 24 April 2025 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Kuala Selangor. Sebanyak 34 kakitangan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang atas kecemerlangan kerja mereka, manakala 9 kakitangan menerima Anugerah Perkhidmatan Setia 25 Tahun dan 9 lagi diiktiraf atas khidmat mereka yang telah bersara. Kumpulan Inovasi dan Projek Khas MPKS turut diberikan penghargaan atas sumbangan mereka. Majlis disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Anugerah Perkhidmatan Setia 25 Tahun

Anugerah Pesara

Anugerah Khas Yang Dipertua

Anugerah Khas Yang Dipertua

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Anugerah Khas Yang Dipertua

Anugerah Khas Yang Dipertua

Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

OPERASI PREMIS WARGA ASING

10 April 2025

Jabatan Penguatkuasa MPKS telah mengadakan Operasi Bersepadu di Taman Industri Alam Jaya, Puncak Alam, bersama SSM dan KPDN. Hasil pemeriksaan, dua premis beroperasi tanpa lesen, empat premis dikenakan notis penutupan, dan beberapa kesalahan lain seperti kebersihan buruk dan pengendalian oleh warga asing tanpa kebenaran. Kompaun juga dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MPKS dan KPDN.

Sumber : Jabatan Penguatkuasa

MAJLIS PELEPASAN PASUKAN PETANQUE

MAKSAK SELANGOR

23 April 2025

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) diberi penghormatan menjadi Pengurus Pasukan Petanque Negeri Selangor untuk Kejohanan Petanque MAKSAK Malaysia 2025, yang berlangsung pada 24 hingga 27 April di Seremban, Negeri Sembilan. Seramai 14 atlet dipilih mewakili Selangor. Majlis pelepasan atlet disempurnakan oleh YBrs. Tuan Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS, dengan kehadiran pegawai MPKS lainnya. Penyertaan ini bertujuan memperkukuh silaturrahim dan semangat kesukanan antara agensi kerajaan.

Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat